

BULETIN KOMODITI

APRIL

400,000 HEKTAR LADANG SAWIT
SELURUH NEGARA BERPOTENSI UNTUK
TANAMAN KENAF



“Setiap hektar kita boleh menghasilkan sekitar 10 tan bekalan kenaf, bayangkan dengan 400,000, sudah ada empat juta tan”

YB DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN AMAN RAZALI





ISI KANDUNGAN

- | | | | |
|-----------|---|-----------|---|
| 03 | Malaysia tidak jejas keputusan Belgium larang penggunaan minyak sawit | 09 | Jumpa Duta Belgium bincang larangan guna minyak sawit |
| 04 | Hanya 110,000 pekebun kecil getah tuntutan IPG setakat ini | 10 | Dedak isirung sawit untuk makanan haiwan ternakan |
| 05 | PILN Semenggok dijangka siap sepenuhnya Julai 2021 | 11 | Kerajaan perluas tanam kenaf secara integrasi di Perak |
| 06 | Kenaikan 60% harga komoditi lada satu ransangan untuk petani, pekebun | 12 | 400,000 hektar ladang sawit seluruh negara berpotensi untuk tanaman kenaf |
| 07 | Projek perumahan guna kenaf bernilai RM6 bilion. | 13 | Rakyat perlu rebut peluang kerja sektor perladangan |
| 08 | Media, Kementerian perlu jadi rakan strategik | | |



KUALA PILAH, 18 APRIL 2021- Malaysia tidak terjejas dengan keputusan Belgium menyekat atau melarang penggunaan minyak sawit sebagai bahan api bio di negara itu bermula tahun depan, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK), Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali.

Beliau berkata, ini kerana pasaran kelapa sawit negara masih besar selain terdapat banyak negara lain yang mengimport minyak sawit Malaysia termasuk pemasaran yang aktif di Afrika dan Timur Tengah.

“Baru-baru ini pun Afghanistan ada datang bertemu kita dan meminta untuk memperbesarkan lagi saiz sawit di negara itu, kalau sekarang hanya 75,000 tan serta dijangka akan mencecah 150,000 tan, ertinya kita yakin bahawa pasaran sawit kita masih besar dan tidak akan terjejas.

“Di peringkat serantau, peningkatannya juga semakin ketara, kena ingat bahawa minyak sawit Malaysia adalah premium dan berbeza dengan minyak sawit negara lain,” katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan kepada pekebun kecil di sini hari ini.

Beliau berkata jumlah nilai eksport agrikomoditi sawit ke Belgium pada tahun lepas berjumlah RM207 juta manakala jumlah nilai eksport ke negara itu setakat Februari lepas adalah sebanyak RM36 juta-malaysiagazette.com





HANYA 110,000 PEKEBUN KECIL GETAH TUNTUT IPG SETAKAT INI

KUALA PILAH, 18 APRIL 2021- Hanya 110,000 pekebun kecil getah yang menuntut Insentif Pengeluaran Getah (IPG) setakat ini berbanding jumlah keseluruhan 500,000 pekebun kecil di seluruh negara.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK), Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali berkata, ini berkemungkinan disebabkan ramai dalam kalangan pekebun tidak menoreh selain ada ladang getah berkenaan diwarisi anak-anak mereka dan tidak mengusahakannya.

Menurutnya, keadaan itu sekali gus menyebabkan kerugian besar kepada negara dari aspek ekonomi selain pembaziran penggunaan tanah yang terbiar.

“Ya angka yang kecil dan saya pelik ke mana perginya pekebun kecil yang angkanya 500,000 orang, adakah mereka tidak buat tuntutan.

“Mungkin juga ramai tidak menoreh sebab harga getah rendah, kalau tidak menoreh itu satu kerugian bagi negara, kebun ada tapi tidak menoreh, hasil tidak keluar, rugi,” katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan kepada 100 penerima dalam kalangan pekebun kecil di sini pada Ahad- **SINAR HARIAN**



PILN SEMENGGOK DIJANGKA SIAP SEPENUHNYA JULAI 2021

KUCHING, 17 APRIL 2021 - Projek Pembinaan Pusat Pembangunan dan Pengembangan Industri Lada Negara (PILN) di Semenggok Kuching, kini 69 peratus siap dalam fasa kedua.

Ia melibatkan bangunan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dengan kos RM38 juta.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali memaklumkan projek pembinaan fasa kedua ini mengalami sedikit kelewatan akibat penularan pandemik COVID-19 dan dijangka siap sepenuhnya pada Julai 2021.

"Kita merancang untuk memohon fasa ketiga iaitu pembinaan blok pengurusan dan blok pembangunan dengan jangkakan sekitar RM40 juta yang kita masukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12, kita akan mohon pada Kementerian Kewangan Malaysia."

Beliau bercakap pada sidang media selepas melakukan lawatan ke tapak pembinaan PILN-
BERITA RTM

KUCHING, 17 April- Harga komoditi lada cukup memberangsangkan dengan 60 peratus kenaikan harga pada tahun ini berbanding sebelumnya.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali menyifatkan ia sebagai satu rangsangan untuk petani dan pekebun kecil untuk terus berkembang dalam perusahaan tersebut.



KENAIKAN 60% HARGA KOMODITI LADA SATU RANGSANGAN UNTUK PETANI, PEKEBUN



Meskipun sebelum ini lada berdepan kejatuhan harga, namun ketika ini ia dilihat kembali pulih apabila harga lada putih mencecah RM21,000 setiap tan, manakala lada hitam RM12,000 setiap tan.

Sementara itu, melihat kepada sektor ekonomi dalam eksport dan import dibuka semula, kementerian meramalkan unjuran kenaikan eksport lada sebanyak 10,000 tan untuk tahun ini berbanding 8,000 tan pada tahun sebelumnya.

Datuk Dr Mohd Khairuddin berkata demikian selepas melawat tapak pembinaan Pusat Pembangunan dan Pengembangan Industri Lada Negara di Semenggok Kuching-
BERITA RTM

PROJEK PERUMAHAN GUNA KENAF BERNILAI **RM6 BILION**

ISKANDAR PUTERI, 19 APRIL 2021 - Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) bakal membangunkan projek perumahan awam jangka masa panjang bernilai RM6 bilion dengan menggunakan bahan kenaf sebagai komponen utama pembinaan.

Menterinya, Datuk Dr. Mohd. Khairuddin Aman Razali berkata, projek itu kini sedang berada dalam peringkat akhir perbincangan sebelum keputusan dicapai dengan perancangan pembangunan di beberapa lokasi seluruh negara termasuk Johor melibatkan kos sebanyak RM50 juta.

“Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) bersama beberapa agensi lain sedang mewujudkan kerjasama strategik untuk membina perumahan awam bernilai RM6 bilion. Projek ini dianggarkan memerlukan bahan kenaf sebanyak 2 juta tan dengan keluasan tanaman 20,000 hektar dalam tempoh 10 tahun.

“Langkah ini secara tidak langsung akan melonjakkan transformasi pengeluaran kenaf oleh pekebun kecil golongan B40 kepada ladang kluster komuniti serta ladang komersial,” katanya selepas menyaksikan pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) antara LKTN dan KPRJ Builders Sdn. Bhd. (KBSB) di Bangunan Dato’ Jaafar Muhammad, di sini hari ini- **UTUSAN MALAYSIA**





MEDIA, KEMENTERIAN PERLU JADI RAKAN STRATEGIK

PUTRAJAYA. 19 APRIL 2021- Pengamal media perlu menjadi rakan strategik kepada Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi bagi memastikan setiap polisi dan dasar yang dilaksanakan dapat disampaikan kepada rakyat, kata Menteri Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali.

“Hubungan antara pengamal media dan kementerian adalah seperti jambatan bagi membolehkan informasi dihebahkan kepada rakyat. Tugas media memberi penjelasan kepada

rakyat adalah penting,” katanya pada majlis berbuka puasa kementerianya bersama media di sini hari ini.

Khairuddin yang juga Ahli Parlimen Kuala Nerus itu berkata peranan rakan strategik juga adalah sebagai penangkis berita palsu yang bersifat serangan.

Sebagai contoh, katanya pihaknya sedang menjalankan Kempen Sawit Anugerah Tuhan yang bertujuan memartabatkan industri sawit selain menangani kempen anti sawit yang dilancarkan Kesatuan Eropah- **HARAKAH DAILY**



JUMPA DUTA BELGIUM BINCANG LARANGAN GUNA MINYAK SAWIT

BANGI, 20 APRIL 2021 - Kementerian Perladangan dan Komoditi akan mengadakan pertemuan dengan Duta Belgium pada awal bulan depan bagi membincangkan tindakan kerajaan Belgium melarang penggunaan minyak sawit sebagai bahan api bio di negara itu bermula tahun depan.

Menterinya, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali, berkata Duta Belgium telah mempelawa untuk bertemu dengannya secara rasmi, namun disebabkan kekangan waktu, pertemuan itu akan diadakan bersekali sewaktu kunjungan hormat beliau ke pejabat Tuan Yang Terutama (TYT) Yang Di-Pertua Negeri Melaka awal bulan depan.

"Pertemuan ini tidak khusus untuk membincangkan mengenai sawit, tetapi apa yang penting kita boleh berbincang untuk meneroka apa saja berkaitan komoditi.

"Ini termasuk membabitkan komoditi lain termasuklah industri koko dan coklat yang boleh kita jalinkan kerjasama dengan Belgium. Jadi ia akan kita masukkan dalam perbincangan ini nanti," katanya- **BH**

PUTRAJAYA, 20 APRIL 2021- Harga komoditi lada cukup memberangsakan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) masih meneliti Dasar Penggunaan Dedak Isirung Sawit (PKC) sebagai langkah untuk memastikan industri makanan haiwan ternakan di negara ini terus berkembang selain mengurangkan kebergantungan kepada bahan import.



DEDAK ISIRUNG SAWIT UNTUK MAKANAN HAIWAN



Menteri, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali, berkata beliau perlu meneliti pelbagai aspek sebelum mengumumkan dasar berkenaan. Ini kerana kementerian perlu menilai aspek permintaan dan penerimaan isirung sawit sebagai makanan haiwan.

"Sebenarnya ini lebih kepada isu permintaan (dedak isirung sawit) kerana bahan ini harganya lebih tinggi di luar negara. Ia menyebabkan kebanyakan peniaga lebih suka menjualnya ke luar negara berbanding pasaran tempatan.

"Bagaimanapun kita tetap akan menyeimbangkan kepentingan perniagaan dengan keperluan tempatan," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Bersama EXCO Pertanian, hari ini- BH

KERAJAAN PERLUAS TANAM KENAF SECARA INTEGRASI DI PERAK


PERAK, 21 APRIL 2021 - Kerajaan kini giat mempromosikan penanaman kenaf di seluruh negara dan Perak merupakan salah satu negeri yang berpotensi serta berminat untuk memperluaskan tanaman komoditi berkenaan.

Program penanaman kenaf di negeri ini adalah bertujuan untuk mempromosikan komoditi itu sebagai sumber ekonomi dan pendapatan baharu kepada penduduk setempat dengan memberikan tumpuan kepada kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan.

Bagi tahun ini, Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) mensasarkan tanaman kenaf di Perak seluas 80 hektar. LKTN telah mengenal pasti dua kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai projek perintis tanaman kenaf iaitu di Lambor, Perak Tengah dan Slim River, Muallim.

Usaha ini adalah antara komitmen Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Dr Mohd Khairuddin Aman Razali untuk mempopularkan kenaf sebagai komoditi masa hadapan apabila hari ini menyempurnakan Majlis Perasmian Penanaman Kenaf di Kg. Balun, Slim River diikuti Majlis Pelancaran Penuaian¹ Kenaf di Kg. Lambor, Perak Tengah, Perak esok.

Projek perintis tanaman kenaf di Slim River, Muallim dilaksanakan dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Pengurusan Pondok Muallim melibatkan kawasan kelompok seluas 4 hektar. Potensi tanaman kenaf di sekitar kawasan projek perintis adalah seluas 20 hektar- **HARAKAH DAILY**



400,000 HEKTAR LADANG SAWIT SELURUH NEGARA BERPOTENSI UNTUK TANAMAN KENAF



PARIT. 22 APRIL 2021- Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi menganggarkan sekitar 400,000 hektar ladang sawit di seluruh negara berpotensi untuk diusahakan dengan tanaman kenaf secara intergrasi.

Menterinya, Datuk Mohd Khairuddin Aman Razali, berkata ia berdasarkan 1.5 juta daripada 6.5 juta hektar ladang sawit yang perlu ditanam semula.

Menurutnya, tanaman kenaf sesuai diusahakan ketika sawit dalam proses pembesaran iaitu sekitar dua tahun.

“Setiap hektar kita boleh menghasilkan sekitar 10 tan bekalan kenaf, bayangkan dengan 400,000, sudah ada empat juta tan.

“Setakat ini kita menasarkankan 20,000 tan pada tahun ini berbanding 10,000 tan tahun lalu,” katanya.

Beliau ditemui ketika program lawatan dan gimik penuaian kenaf Ladang Rakyat Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP) di Ladang Lambor, dekat sini, hari ini- **ASTRO AWANI**

RAKYAT PERLU REBUT PELUANG KERJA SEKTOR PERLADANGAN



KUALA NERUS, 24 APRIL 2021 - Rakyat tempatan digalakkan menceburi sektor perladangan yang menawarkan pendapatan lumayan serta memiliki pelbagai kelebihan lain.

Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali berkata, sambutan rakyat terhadap sektor itu kurang menggalakkan walaupun pelbagai karnival kerjaya dan iklan dilakukan termasuk menerusi laman web JobsMalaysia.

"Sektor perladangan kurang menjadi pilihan kerana rakyat beranggapan ia termasuk dalam kategori industri kotor, berbahaya dan sukar sedangkan banyak kelebihan disediakan seperti rumah dan kemudahan lain selain pendapatan bulanan mencecah sehingga RM3,000.

"Anak muda yang mungkin tidak ada peluang untuk mendapat pendidikan akademik yang tinggi dan mereka yang terjejas akibat pandemik COVID-19 sepatutnya merebut peluang yang ada ini- BH

